



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	16/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JPSM/ JMG			

# Kerjasama pulihara HSKLU diperhebat

**Kuala Lumpur:** Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sudah mengarahkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia serta Jabatan Mineral dan Geosains memberi kerjasama membantu kerajaan Selangor untuk memelihara dan memulihkan kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Menterinya, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata ia bagi memastikan fungsi hutan paya gambut itu memberi perkhidmatan ekosistem yang sentiasa terpelihara, selain bagi mencegah kebakaran.

Katanya, kementerian juga mengalukan pembabitn semua

pihak, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat untuk memulihkan hutan simpan itu.

"Kita menyambut baik keputusan kerajaan Selangor menghentikan cadangan pelan pembangunan ke atas kawasan HSKLU seluas 536.7 hektar yang dinyahwartakan baru-baru ini, sekali gus akan memulakan proses pewartaan semula sebahagian besar kawasan terbabit sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK).

"KeTSA juga menyambut baik keputusan kerajaan negeri untuk mengekalkan status kawasan gantian seluas 579.64 hektar yang diwartakan sebagai HSK, iaitu

Hutan Simpan Sungai Panjang, Hutan Simpan Buloh Telor Barat, Hutan Simpan Buloh Telor Timur dan Hutan Simpan Broga.

"Ia bertepatan hasrat kerajaan untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus keluasan tanah negara dilitupi kawasan ber hutan selaras komitmen dinyatakan pada peringkat antarabangsa," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Pada 8 September lalu, kerajaan Selangor memutuskan untuk menghentikan cadangan pelan pembangunan ke atas HSKLU dan membatalkan pemberimilikan tanah kepada syarikat yang terbabit.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, dilaporkan berkata keputusan itu dibuat melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Selangor, dengan beberapa perkara berhubung HSKLU turut ditetapkan.

Antaranya, 42 hektar akan kekal dinyahwarta bagi melengkapkan pemberimilikan tanah kepada Kampung Orang Asli Busut Baru untuk menyelesaikan isu yang tertangguh sejak 2006.

Kerajaan Selangor turut menegaskan segala proses penyahwartaan sebelum ini mematuhi segala prosedur dan tatacara dinyatakan mengikut lunas undang-undang.

BH, 16 Sept  
2021\_26

